



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### AGIHAN BAKUL MAKANAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN MY BERAS KEPADA PEMANDU TEKSI WP KUALA LUMPUR

**KUALA LUMPUR, 4 Februari 2021** – Sebanyak 1000 bakul makanan berupa barang keperluan harian disasarkan kepada pemandu taxi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang mengalami kemerosotan pendapatan akibat COVID-19 sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) hari ini. Pengagihan pertama dibuat secara pandu lalu (*drive thru*) di Lobi Menara 1, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Sumbangan bakul makanan sempena SHWP 2021 dan MyBeras@Wilayah ini merupakan salah satu usaha Kementerian bagi menjamin kebajikan warganya melalui Inisiatif Wilayah Prihatin yang merangkumi aspek ekonomi, kebajikan dan kelangsungan hidup warga kota. Inisiatif ini juga seiring dengan tema SHWP 2021 iaitu; 'Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin' yang memberikan penekanan kepada pembangunan *social safety net* dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan.

Penyerahan Bakul Makanan Kenduri Rakyat Hari Wilayah Persekutuan 2021 menggunakan peruntukkan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), DBKL dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP). Pengagihan bakul makanan secara sekali beri (*one-off*) itu adalah bagi menggantikan Program Kenduri Rakyat yang merupakan acara istimewa bagi SHWP setiap tahun, memandangkan tahun ini ia tidak dapat dilaksanakan berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Sekampit beras lima kilogram turut diagihkan di bawah Program MyBeras@Wilayah yang merupakan inisiatif tambahan program MyFood@Wilayah. Bantuan menerusi program Cakna Kemiskinan ini diagihkan kepada golongan B40 warga Wilayah Persekutuan melalui Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) sebanyak tiga kali seminggu. Tempoh agihan sumbangan ini akan dilanjutkan sehingga Jun akan datang sekiranya mendapat lebih banyak sumbangan daripada orang ramai dan badan - badan korporat.

Kementerian turut menyeru syarikat korporat, badan bukan kerajaan (NGO's) dan orang perseorangan untuk menghulurkan sumbangan sama ada berbentuk wang atau sumbangan beras beserta barangan keperluan (makanan kering) dalam usaha membantu golongan yang kurang berkemampuan ini. Bagi yang ingin membuat sumbangan, mereka boleh melakukannya melalui portal [yayasanwp.org.my/myberas-penyumbang](http://yayasanwp.org.my/myberas-penyumbang). Menerusi sumbangan ini dapat meringankan beban khususnya golongan berpendapatan rendah yang sangat terkesan akibat pandemik COVID-19.

**Tan Sri TPr. Annuar Musa**  
**Menteri Wilayah Persekutuan**